

Enam GLIC labur RM120b dalam tempoh lima tahun

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Enam syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) memberikan komitmen secara kolektif untuk dana berjumlah RM120 bilion bagi tujuan pelaburan langsung domestik (DDI) dalam tempoh lima tahun akan datang.

Ia adalah pelaburan sampingan mereka dalam pasaran modal awam bernilai RM440 bilion.

Komitmen itu adalah fasa pertama di bawah program dikenali sebagai GEAR-uP yang disasarkan kepada industri-industri yang memiliki pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi (HGHV) seperti sektor peralihan tenaga dan pembuatan canggih terutama dalam bidang semikonduktor.

Enam GLIC itu ialah Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Simpanan Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Tabung Haji dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, di samping sasaran pelaburan dalam HGHV, ia juga merangkumi pelaburan di seluruh kitaran perniagaan seperti syarikat pemula (*start-up*), modal teroka (*venture capital*) serta syarikat peringkat pertengahan, seterusnya menyokong



ANWAR Ibrahim (tengah) selepas taklimat mengenai program GEAR-uP di Kementerian Kewangan, Putrajaya, semalam. - FACEBOOK ANWAR IBRAHIM

penyenaraian saham syarikat-syarikat tersebut.

Menurut beliau, pelaburan-pelaburan ini menjadi teras utama bagi program GEAR-uP dengan tujuan memacu pertumbuhan ekosistem ekonomi baharu dan meningkatkan penyertaan GLIC dalam ikhtiar pembangunan negara.

"GLIC ini akan menggunakan kepakaran masing-masing untuk mencapai matlamat bersama, iaitu 'menaikkan siling' kedudukan ekonomi negara dan 'menaikkan lantai' kualiti hidup rakyat.

"Bagi mencapai sasaran-sasaran kerangka Ekonomi Madani, terdapat keperluan menggerakkan semua pihak di seluruh negara termasuk korporat.

"Melalui penglibatan menyeluruh ini, GLIC akan meningkatkan tumpuan mereka kepada pelaburan tempatan dan modal yang dilabur ini boleh memanfaatkan semua rakyat serta melahirkan ekosistem-ekosistem ekonomi baharu," katanya selepas taklimat berkenaan program GEAR-uP di Kementerian Kewangan

(MOF) di sini, semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, dengan jumlah Aset di Bawah Pengurusan (AUM) bernilai lebih RM1.8 trilion, yakni sekitar saiz keluaran dalam negara kasar (KDNK) nominal, GLIC tersebut mempunyai kekuatan kewangan untuk menggerakkan lonjakan negara di rantaian nilai ekonomi dan menambah baik mutu kehidupan rakyat.

Jelasnya, setiap GLIC akan mempunyai bidang tumpuan masing-masing untuk menerajui program GEAR-uP itu.